

Kelab Kebajikan FKP anjurkan Kejohanan Boling “Rapatkan Ukhwah 2017”

Satu kejohanan boling tertutup telah diadakan pada 5hb April 2017 (Rabu) di Kuantan Megalanes, Megamall. Kejohanan ini dianjurkan buat kali kedua oleh Kelab Kebajikan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan sebagai sesi pertemuan dan jalinan hubungan dalam usaha untuk merapatkan ukhwah di kalangan staf, suami atau isteri dan juga pelajar pascasiswazah.

Menurut Mohd Khairulnazri Saidi, selaku Penyelaras kejohanan, program tahunan ini dapat mengukuhkan ikatan kekeluargaan antara staf. Selain itu, peserta dapat menghilangkan tekanan dan penat setelah bekerja seharian di pejabat.

Sambutan yang diterima amat memberangsangkan walaupun diadakan pada waktu malam hari bekerja di bandar Kuantan. Seramai 30 orang staf dan pelajar pascasiswazah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan pasangan masing-masing telah menyertai pertandingan ini.

Terdapat empat kategori yang dipertandingkan iaitu kategori individu lelaki dan wanita, kategori berkumpulan dan juara longkang. Juara kumpulan yang membawa pulang sebuah Piala Pusingan dan hamper dimenangi oleh Kumpulan 7 yang terdiri daripada Dr Zubair Khalil, Encik Jessnor Arif, Encik Khairulnazri dan Puan Kartina. Lebih manis lagi, kejohanan kali ini menyaksikan staf teknikal FKP telah menyumbang Piala Pusingan yang dibuat sendiri di makmal FKP.

Manakala juara individu lelaki pula jatuh kepada oleh Dr Mebrahitom dan individu perempuan kepada Puan Saidatul Ulfah.



